



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI,
TINGKAT 14, 17 & 18,
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon Am:082-441957
Kawat: FINANCIAL KUCHING
Teleks: STAFIN MA70023
Fax: 082-442355/313245

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SFS/00021/9SFS-CIRCULARS(54)
Tarikh : 18 Mei 2022

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
BIL. 1/2022

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Setiausaha Dewan/Majlis Bandaraya/ Perbandaran/ Daerah

**KEMUDAHAN POTONGAN GAJI BAGI TUJUAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
PERUMAHAN DI BAWAH SKIM PINJAMAN PERUMAHAN
MUTIARA MORTGAGE & CREDIT SDN. BHD. (MUTIARA)**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kemudahan potongan gaji bagi tujuan bayaran balik skim pinjaman perumahan di bawah Mutiara Mortgage & Credit Sdn. Bhd.

2. LATARBELAKANG

2.1 Mutiara Mortgage & Credit Sdn. Bhd. merupakan anak syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC) yang menawarkan skim pinjaman perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Jenis hartanah yang dibiayai di bawah skim tersebut merangkumi semua jenis pembangunan perumahan di bawah HDC dan skim rumah mampu milik yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

2.2 Selain daripada Skim Pinjaman Perumahan Pegawai Kerajaan Negeri Sarawak yang ditawarkan oleh Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, penjawat awam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang telah memenuhi syarat-syarat berikut boleh memohon skim pinjaman perumahan di bawah Mutiara Mortgage & Credit Sdn. Bhd:

- (i) telah disahkan dalam perkhidmatan yang terkini;
- (ii) potongan gaji tidak melebihi 60% daripada gaji kasar (termasuk potongan untuk bayaran pinjaman perumahan); dan
- (iii) permohonan pinjaman diperaku/disokong oleh Ketua Jabatan

2.3 Pada masa yang sama, pemohon juga perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Mutiara Mortgage & Credit Sdn. Bhd. seperti berikut:

- (i) pemohon mestilah merupakan warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak;
- (ii) pemohon mestilah berusia 21 tahun dan ke atas; dan
- (iii) pemohon tidak berstatus bankrap.


2.4 Bagi penjawat awam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang telah diluluskan pinjaman perumahan oleh Mutiara Mortgage & Credit Sdn. Bhd, bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji boleh dibuat berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Sarawak No. PP 2/2021 bertarikh 18 Mac 2021.

3. PEMAKAIAN

Pekeliling ini berkuatkuasa ke atas Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri tertakluk kepada penerimaan pemakaiannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”
“AN HONOUR TO SERVE”



(DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR)
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak

- s.k
1. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
 2. Peguam Besar Negeri Sarawak
 3. Akauntan Negeri Sarawak
 4. Ketua Pegawai Eksekutif, Mutiara Mortgage & Credit Sdn. Bhd.